SIARAN SERTA MERTA
NRES.100-9/1/2 Jld 2 (69)

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

KEADAAN JEREBU NEGARA MENUNJUKKAN PERKEMBANGAN POSITIF

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) sentiasa memantau rapat keadaan cuaca dan kualiti udara di seluruh negara demi kesejahteraan rakyat.

Secara keseluruhannya, kualiti udara di negara telah merekodkan perkembangan yang positif. Setakat jam 9.00 pagi ini, majoriti kawasan mencatatkan kualiti udara pada tahap yang baik (23 kawasan) dan sederhana (44 kawasan). Namun begitu, terdapat satu kawasan iaitu di Samalaju, Sarawak yang mencatatkan bacaan Tidak Sihat yang sebahagian besarnya berpunca daripada jerebu rentas sempadan.

Untuk tempoh 27 hingga 31 Oktober 2026, kualiti udara di kebanyakan tempat di Malaysia dijangka kekal pada tahap Baik hingga Sederhana. Walau bagaimanapun, kita perlu terus berwaspada kerana cuaca kering di beberapa negara jiran berpotensi membawa risiko jerebu rentas sempadan yang berterusan.

Berdasarkan pantauan satelit pada 26 Oktober, tiada sebarang titik panas (kawasan kebakaran) dikesan di seluruh Malaysia dan juga di Sumatera. Namun, terdapat 166 titik panas telah dikesan di Kalimantan. Angin pada masa ini bertiup dari arah timur laut hingga tenggara, yang membawa kepulan asap dari kawasan titik panas di Kalimantan Timur ini ke arah barat laut Borneo (termasuk Sarawak), dan menyebabkan keadaan jerebu sederhana di sana.

Bagi memastikan udara kita kekal bersih, JAS akan terus meningkatkan kekerapan rondaan di kawasan-kawasan yang berisiko bagi memastikan tiada pihak yang melakukan pembakaran terbuka.

Kementerian amat berharap agar orang ramai, terutamanya penduduk di kawasan yang kualiti udaranya kurang baik seperti di Samalaju, dapat menjaga kesihatan diri. Kurangkan aktiviti riadah di luar rumah, banyakkan minum air kosong dan pakailah pelitup muka (face mask) jika perlu berada di luar.

Semakan status kualiti udara terkini boleh dibuat melalui laman web http://apims.doe.gov.my/ atau muat turun sahaja aplikasi MyIPU di telefon pintar.

Sama-samalah kita jalankan tanggungjawab dengan tidak melakukan sebarang pembakaran terbuka di kawasan perumahan, kebun atau tanah lapang supaya kualiti udara kita tidak terjejas.

DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
27 OKTOBER 2026

MALAYSIA MADANI